

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO)**

**IFTAR RAMADAN ANGKASA
TERENGGANU 2023**

**17 APRIL 2023 (ISNIN)
5:00 PETANG**

**BATU BUROK BEACH RESORT, KUALA
TERENGGANU**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Ramadan
Al-Mubarak

{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA PROGRAM}

Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Dihormati Sekalian

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Iftar Ramadan ANGKASA Terengganu 2023 ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada urusetia dan ANGKASA Terengganu atas penganjuran program ini. Selamat datang diucapkan kepada semua peserta dan terima kasih kerana sudi memenuhi jemputan majlis ini.

3. Alhamdulillah kita semua dikurniakan kesehatan yang baik oleh Allah S.W.T untuk bersama-sama merasai nikmat beribadah di bulan penuh keberkatan ini.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

4. Penganjuran majlis seumpama ini sangat dituntut oleh Islam bagi merapatkan silaturahmi dan ukhuwah sesama muslim. Program menyantuni anggota koperasi adalah salah satu program CSR Coopcare ANGKASA untuk berkongsi kegembiraan menyambut Syawal dengan mereka yang kurang berkemampuan.

5. Saya dimaklumkan peserta program dan penerima sumbangan kita pada hari ini terdiri daripada anggota Konsortium Koperasi

Penyayang Terengganu Berhad dan koperasi-koperasi sekitar negeri Terengganu. Seramai lebih kurang 400 orang peserta yang terlibat.

6. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mampu memberikan keceriaan buat penerima serta membantu mereka membuat persiapan menyambut Syawal yang bakal tiba nanti.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

7. Berdasarkan statistik SKM, jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh Terengganu sehingga Disember 2022 adalah sebanyak **790 buah** koperasi dengan keanggotaan berjumlah **238,844 orang**, syer/yuran sebanyak **RM282.51 juta** dengan jumlah aset sebanyak **RM633.37 juta** dan perolehan sebanyak **RM498.61 juta**.

8. Daripada statistik ini dapat kita lihat bahawa koperasi masih relevan dalam arus perdana sosioekonomi negara tambahan dengan keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu serta kos sara hidup yang tinggi. Aktiviti ekonomi yang diusahakan koperasi mampu menjana pendapatan dan pekerjaan kepada penduduk setempat.

9. Bagi meningkatkan pendapatan koperasi untuk jangka masa panjang, jalinan kerjasama strategik dengan koperasi lain perlu diwujudkan bagi meluaskan rangkaian perniagaan. Ini satu usaha bagi menjamin keuntungan koperasi seterusnya memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada anggota.

10. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan program ini khususnya ANGKASA Terengganu dan Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad. Semoga bulan suci ini dapat diraikan dengan penuh semangat muhibah dan rasa rendah diri. Salam Aidilfitri juga saya ucapkan kepada semua.

Wabillahi taufik walhidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.